

Krisis Pahang: Rahim pilih ke Tanah Suci

KUALA LUMPUR, Khamis — Menteri Besar Pahang, Haji Abdul Rahim Abu Bakar, dijangka berlepas ke Mekah Selasa depan untuk menunaikan fardu haji, sebagai langkah pertama menyelesaikan masalah politik di negeri itu sekarang.

Sumber-sumber rasmi memberitahu Berita Harian hari ini, Haji Abdul Rahim telah pun menyampaikan hasratnya itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir sewaktu mereka bertemu di Jabatan Perdana Menteri dua hari lalu.

Tolak ke PBB

Sumber-sumber itu berkata, Datuk Seri Dr. Mahathir bersetuju dan merestui cadangan Haji Abdul Rahim itu.

Berita Harian juga difahamkan, Perdana Menteri mengadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semalam dalam satu pertemuan biasa dan dipercayai memberi taklimat mengenai keadaan politik tempatan.

Keputusan Haji Abdul Rahim menunaikan fardu haji bolehlah ditafsirkan bahawa beliau menolak percubaan setengah-setengah pihak untuk menjadikannya salah seorang wakil Malaysia ke Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu di New York.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Oleh NAJIB RAHMAN

Rombongan dari Malaysia itu diketuai oleh Menteri Luar Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie.

Perjumpaan antara Perdana Menteri dan Haji Abdul Rahim Selasa lalu diadakan dalam suasana 'tenang dan ikhlas' dan kedua-dua pihak dikatakan memahami masalah masing-masing.

Sumber-sumber itu berkata, Datuk Seri Dr. Mahathir juga memahami serta menghormati pendirian serta dan prinsip-prinsip Haji Abdul Rahim atas keadaan politik di Pahang sekarang.

Sumber-sumber itu menambah, Datuk Seri Dr. Mahathir dan Haji Abdul Rahim juga berbincang secara terperinci mengenai soal mengosongkan jawatan menteri besar Pahang.

Bagaimanapun, sumber-sumber itu mengatakan, tiada keputusan muktamad dibuat dalam perjumpaan itu.

Kawat simpati

Haji Abdul Rahim berkata di Kuantan semalam, soal beliau mengosongkan jawatannya diserahkan kepada Perdana Menteri.

"Saya akan mematuhi sebarang arahan yang diberi oleh pucuk pimpinan pusat," kata beliau.

Perdana Menteri dijangka membuat keputusan mengenai masa depan Haji Abdul Rahim sama ada sejurus sebelum beliau berlepas ke Tanah Suci atau pun selepas beliau kembali November depan.

Sementara itu, Haji Abdul Rahim dibanjiri dengan kawat-kawat dari tokoh-tokoh politik tanahair yang di antaranya dari Negeri Sembilan, Perak dan dari pelajar-pelajar universiti tempatan, menyatakan rasa terharu dan simpati mereka kepada Menteri Besar itu.

Kawat-kawat seumpama itu juga diterima dari anggota-anggota cawangan UMNO dan parti-parti lain di merata tempat, terutama dari Pahang.